



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

PGT203

KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL GURU

SEMESTER 1

SIDANG AKADEMIK 2018/2019

TAJUK :

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

KUMPULAN : 6

BILANGAN AHLI : 18 ORANG

AHLI JAWATAN KUASA : MULTIMEDIA DAN PUBLISITI

(NIK NUR HIDAYAH BINTI DORAMAN)

NAMA PENSYARAH : DR. BAHARUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

DR MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL

SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN

BIL	NAMA	NO. MATRIK
1.	AINUR SYAHIRA BINTI M ABD RAZAK	136334
2.	CELINE BINTI RAYA	136346
3.	FARAH FARAHIM BINTI ABU HANIFAH	136354
4.	FATINI BINTI MOHD ZAMZURI	139641
5.	FRANKLIN SERIT ANAK DUART	127652
6.	IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	136361
7.	MOHD SYUKURI BIN KASDI	136379
8.	NIK NUR HIDAYAH BINTI DORAMAN	136410
9.	NIK SITI NURHIDAYAH BINTI NIK MOHAMAD NOOR	136412
10.	NOR KARTIKAH BINTI ILYAS	136422
11.	NUR ATIKAH BINTI ABDUL RAHMAN	132289
12.	NUR ATIQA AMEERA BINTI ABDUL RAZALI	132290
13.	RAJA MOHAMMAD HAKIMI BIN RAJA KAMARULZAMAN	136491
14.	RAJA NUR FAZLIN BINTI RAJA IBRAHIM	136492
15.	ROSNORI WAYENG	127326
16.	SANDY WONG BIK WEN	136495
17.	SASLEEN BINTI SHAHUL HAMEED	144425
18.	SITI ROHAYU BINTI KAMALUDIN	136499

NAMA : AINUR SYAHIRA BINTI M ABD RAZAK
NO MATRIK : 136334
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

Kelebihan

Projek MASDAYA yang telah berjaya dilancarkan di Kompleks Bukit Jambul pada 28 Oktober 2018 telah memberi pengalaman kepada saya dan rakan-rakan lain semasa proses mempersiapkan diri untuk projek tersebut dan semasa kelangsungan projek tersebut. Sebagai ahli aktif dalam kumpulan 6 yang telah diamanahkan untuk memikul tanggungjawab sebagai Ahli Jawatankuasa (AJK) Multimedia dan Publisiti, saya dan rakan-rakan lain telah memberi sumbangan kepada kumpulan, dan keberlangsungan projek tersebut.

Saya dan rakan-rakan lain telah bekerjasama dalam mereka baju, poster, banner, dan bunting untuk projek MASDAYA. Kami menyumbangkan idea kepada satu sama lain untuk menghasilkan rekaan yang terbaik untuk projek ini.

Saya dan rakan-rakan lain juga telah memberi kerjasama semasa projek tersebut berlangsung iaitu dengan mengambil gambar sepanjang projek berlangsung meskipun pada awalnya kami mengalami masalah untuk mendapatkan kamera. Namun, kami berjaya juga untuk menjalankan tugas kami dengan jayanya pada hari tersebut.

Kelemahan

Walau bagaimanapun, saya juga merasakan saya kurang memberi kerjasama sepenuhnya apabila saya gagal menghadiri perjumpaan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Saya juga gagal menyumbangkan khidmat saya dalam usaha mencari pemidato dan kamera sebelum projek tersebut berlangsung pada hari kejadian.

Walaupun begitu, penglibatan saya dan rakan-rakan lain dalam projek ini telah memberi kami pengalaman dan mengasah bakat kami dalam bidang-bidang tertentu seperti mereka cipta dan kemahiran berkomunikasi.

Maka di sini ingin saya tegaskan bahawa tanpa adanya kegagalan, kami tidak akan mampu melihat di mana kesilapan kami. Dan tanpa adanya kejayaan, kami tidak akan tahu apa yang perlu dikukuhkan lagi.

NAMA : CELINE BINTI RAYA
NO MATRIK : 136346
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

Sumbangan dalam Projek Masdaya

Skop kerja kumpulan saya, iaitu kumpulan 6 diberi tugas untuk bahagian Multimedia, Publisiti, Design baju dan banner. Secara jujur, sumbangan yang saya berikan terhadap projek Masdaya ini tidaklah sebanyak sumbangan seperti pelajar yang lain. Perkara yang penting saya lakukan untuk menjayakan projek ini adalah saya memberi kerjasama kepada ahli kumpulan saya dalam melaksanakan skop tugas kumpulan kami. Saya juga berusaha dalam menghadirkan diri setiap kali perjumpaan kumpulan kami bagi membincangkan tugas kami dan memberikan sedikit idea untuk skop tugas kumpulan kami. Walaupun sumbangan yang saya berikan adalah tidak seberapa tetapi sedikit sebanyak dapat melancarkan projek Masdaya ini dengan jayanya.

Kekurangan diri dalam Projek Masdaya

Masalah akan timbul dalam diri kita apabila kita kurang berkomunikasi dalam kumpulan dan segan untuk melontarkan idea atau pandangan dalam perbincangan kumpulan. Kekurangan dalam diri saya semasa projek Masdaya ini adalah saya kurang berkomunikasi dengan ahli kumpulan kerana saya lebih suka mendengar idea-idea yang mereka bincangkan daripada melontarkan idea saya sendiri. Saya juga segan untuk memberikan idea atau cadangan kerana takut cadangan saya tidak diterima ramai. Perasaan segan, malu dan tidak berani ini telah membataskan pergaulan saya dan komunikasi dalam diri saya.

Cara untuk Mengatasi Kekurangan diri masing-masing

Cara untuk mengatasi kekurangan diri saya adalah diri saya sendiri perlu berani untuk melontarkan idea atau pandangan apabila berbincang. Komunikasi amat penting untuk kita untuk menambahkan keyakinan diri kita. Saya juga perlu katakan pada diri

saya bahawa dalam setiap perbincangan mahu pun mesyuarat adalah perkara biasa sekiranya idea kita diterima dan ditolak. Jadi, pada bila-bila masa dan di mana jua saya perlu sentiasa yakin pada diri saya sendiri untuk berkomunikasi dengan yakin kerana saya merupakan bakal guru.

Refleksi Keseluruhan individu mengenai Projek Masdaya

Untuk keseluruhan projek Masdaya ini berjaya dilaksanakan di bawah pimpinan Dr. Baharuddin bin Haji Abdul Rahman dan kerjasama semua majlis tertinggi projek Masdaya dan juga semua pelajar PGT203. Projek Masdaya ini dilihat sebagai medium yang begitu bagus untuk berkongsi maklumat dengan masyarakat sekiranya projek ini melibatkan masyarakat setempat dan juga memupuk pelajar di peringkat universiti untuk melontarkan pandangan mereka terhadap sesuatu isu. Walaupun terdapat beberapa perkara yang timbul semasa projek Masdaya ini dilaksanakan yang melibatkan pengurusan daripada pihak Kompleks Bukit Jambul dimana beberapa peraturan tidak dipatuhi. Tetapi secara keseluruhannya projek ini berjaya dilaksanakan dan masalah-masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan adanya komunikasi yang baik antara kedua-dua pihak.

NAMA : FARAH FARAHIM BINTI ABU HANIFAH
NO MATRIK : 136354
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN**

Projek MASDAYA ini telah berlangsung pada 28 Oktober 2018 bertempat di Mydin, Bukit Jambul. Program ini melibatkan seramai 171 orang pelajar daripada kursus PGT 203. Projek MASDAYA ini menggunakan konsep *Open-Mic* yang melibatkan 10 orang daripada kursus PGT 203, 10 orang peserta luar bukan daripada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan juga 5 orang peserta luar.

SUMBANGAN TERHADAP PROGRAM MASDAYA 2018

Sumbangan yang telah diberikan dalam projek MASDAYA ini ialah telah menjadi Penolong Bendahari Projek Masdaya. Sepanjang proses perjalanan untuk menjayakan projek ini saya juga ada membantu Penolong Pengarah Projek MASDAYA iaitu Nur Amira binti Rosli untuk berurusan dengan pihak Mydin, Bukit Jambul.

KELEBIHAN PROGRAM MASDAYA 2018

Sepanjang menjalankan projek ini juga setiap orang akan memiliki kekurangan dan kelebihan diri masing-masing. Apa yang saya dapat lihat kelebihan diri yang ada pada diri saya ialah apabila berada dalam kumpulan saya tidak mempunyai masalah untuk berkomunikasi dengan ahli kumpulan yang lain. Saya juga boleh menerima teguran yang diberikan oleh ahli kumpulan yang lain.

KELEMAHAN PROGRAM MASDAYA 2018

Manakala, kekurangan pada diri saya ialah saya ada meninggalkan beberapa kelas tutorial PGT 203 disebabkan hal tertentu yang tidak boleh dilakukan. Saya terpaksa meninggalkan kelas tutorial PGT 203 kerana mempunyai kelas ganti pada malam tersebut dan halus melakukan perbentangan juga.

CADANGAN MENGATASI KEKURANGAN

Oleh itu, saya cuba untuk mengatasi kekurangan diri saya ini dengan berunding dan berkomunikasi dengan ketua kumpulan dan ahli kumpulan yang lain. Apabila saya tidak dapat menghadirkan diri ke kelas saya akan memberitahu kepada ahli kumpulan yang saya tidak dapat hadir ke kelas dengan sebab-sebab yang tertentu dan cuba mendapatkan persetujuan ahli kumpulan. Selain itu juga saya akan menanyakan ahli kumpulan apa yang telah dibincangkan semasa perjumpuan tersebut agar tidak tertinggal sebarang maklumat.

REFLEKSI KESELURUHAN INDIVIDU

Pada pandangan saya sepanjang projek berlangsung ahli kumpulan saya dapat memberikan kerjasama yang terbaik sepanjang perjalanan projek berlangsung. Kami sering membantu diantara satu sama lain bagi menjayakan projek ini. Projek MASDAYA ini dapat dijalankan dengan baik walaupun ada sedikit masalah semasa projek ini berlangsung. Namun semuanya dapat diatasi dengan adanya komunikasi diantara dua pihak.

Dengan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Md. Baharuddin bin Abdul Rahman dan Dr. Muhammad Zuhair bin Zainal selaku penyelaras kursus PGT 203 yang banyak membantu sepanjang projek ini berlangsung. Daripada Dr. juga saya dapat mempelajari bagaimana cara untuk berkomunikasi dengan baik. Dengan ini kursus PGT 203 ini banyak membantu saya untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat.

NAMA : FATINI BINTI MOHD ZAMZURI
NO MATRIK : 139641
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

1.0 SUMBANGAN TERHADAP PROJEK MASDAYA 2018

Saya mewakili kumpulan 6 untuk membantu Ahli Jawatan Kuasa Tugas-tugas Khas Projek MASDAYA 2018 dalam mencari stesen radio di kawasan Pulau Pinang bagi membuat hebahan serta liputan kepada masyarakat Pulau Pinang untuk projek ini. Saya telah berjaya mendapatkan stesen radio yang sudi membuat hebahan serta liputan iaitu stesen radio Mutiara FM. Saya juga telah berhubung dengan Encik Mohd Fauzi Mohamed Dali yang merupakan Penyelia Hiburan/Pasaran bagi Mutiara FM. Saya juga telah meng-e-melkan surat permohonan hebahan dan liputan serta risalah projek kepada Encik Fauzi dan beliau telah menerima e-mel tersebut.

2.0 KELEBIHAN DAN KEKURANGAN DIRI DALAM ASPEK KOMUNIKASI

Kelebihan saya dalam aspek komunikasi ialah saya mampu membuat atau menjalankan tugas seperti apa yang telah diarahkan kepada saya dengan sebaik mungkin walaupun terdapat salah faham pada awalnya tapi saya akan cuba sedaya upaya untuk menjalankan amanah yang telah diberi dengan pantas dan baik. Kekurangan saya dalam aspek komunikasi pula ialah saya lebih gemar jika sesuatu arahan atau penjelasan tugas dibuat secara bersemuka agar tidak ada sebarang salah faham dalam sesuatu arahan yang akan atau telah diberikan kepada saya. Hal ini kerana tidak semua mempunyai masa atau terlalu sibuk untuk berjumpa jadi melalui media massa seperti *WhatsApp* menjadi pilihan untuk berkomunikasi. Saya akui mungkin silap saya kerana tidak berusaha untuk berjumpa secara bersemuka dengan ahli-ahli AJK Tugas-tugas Khas yang lain untuk mendapatkan input atau perkembangan maklumat terkini.

3.0 CARA UNTUK MENGATASI KEKURANGAN DIRI

Saya akan berusaha untuk mencari waktu bagi berjumpa dengan ahli-ahli lain yang akan saya bekerjasama pada masa akan datang untuk mendapatkan input terkini tentang perkembangan tugas yang telah diamanahkan kepada kami. Saya juga akan menjadi lebih fleksibel dalam menjalankan tugas saya pada masa akan datang iaitu bagi Projek Teater.

4.0 REFLEKSI KESELURUHAN INDIVIDU MENGENAI PROJEK MASDAYA 2018

Pada pendapat saya, projek ini secara keseluruhan adalah sangat bagus dan amat digalakkan di universiti. Projek ini boleh diusahakan lagi untuk menjadi satu acara tahunan universiti kerana saya yakin dan percaya bahawa ramai lagi mahasiswa dan mahasiswi di luar sana yang ingin bersuara tetapi tiada platform yang betul untuk digunakan. Acap kali pidato yang kita jumpa merupakan satu acara pertandingan namun alangkah baiknya jika kita tidak menjadikannya satu pertandingan malahan satu kebiasaan di universiti kita. Setelah melihat dan mendengar para peserta pidato menyampaikan ucapan mereka, saya menjadi lebih gembira dan fikiran saya menjadi lebih luas dek ucapan yang disampaikan oleh mahasiswa dan mahasiswi kita. Saya berharap agar Projek MASDAYA ini menjadi sesuatu acara universiti pada masa akan datang.

Selain itu, saya merasakan ahli jawatankuasa yang terlibat terlalu ramai bagi menjalankan projek ini. Apabila ahli yang terlalu ramai, kemungkinan untuk semua menjalankan tugas yang diberi agak terhad kerana pembahagian tugas sangatlah kecil sahaja skopnya. Saya yakin bahawa tidak semua dapat menjalankan tugas dengan sama rata. Untuk mengelakkan hal ini dari terjadi pada masa akan datang, saya syorkan untuk membahagikan kelas kepada dua ahli jawatan kuasa kerana kita mempunyai dua projek bagi kursus ini; satu kumpulan untuk MASDAYA dan satu kumpulan untuk teater. Oleh itu, semua dapat merasakan bahawa mereka juga telah melaksanakan tugas dengan sama rata.

Seterusnya, saya juga ingin menyarankan agar tempat yang dianjurkan perlulah bersesuaian dengan jumlah peserta dan tetamunya. Tempat yang telah kita laksanakan program tersebut agak kecil dan sempit untuk memuatkan 200 orang yang hadir pada hari tersebut. Cadangan saya bagi projek teater nanti, kita perlu

mencari tempat yang sesuai dan selesa bagi para peserta serta penonton yang akan hadir pada hari kejadian.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program MASDAYA 2018 kali ini. Walaupun terdapat sedikit kekurangan dalam tempoh pelaksanaan namun kita dapat mengatasi kekurangan tersebut pada masa yang akan datang.

NAMA : FRANKLIN SERIT ANAK DUART
NO MATRIK : 127652
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

Sumbangan dalam Projek MASDAYA

Dalam projek ini kumpulan kami telah diberikan tugas selaku AJK Multimedia dan Publisiti. Bagi menjayakan projek ini, pengarah projek telah mengarahkan kami untuk menyediakan poster, banner, dan sijil untuk peserta. Jika dibandingkan dengan pelajar dari pusat seni untuk melakar grafik yang menarik, tidaklah sebaik mereka apa yang saya berikan. Namun, selagi idea masih ada dan dengan kemahiran yang serba kekurangan ini, saya telah melakarkan templat untuk poster, banner, dan sijil yang digunakan oleh projek itu. Akhir sekali, untuk memudahkan urusan kumpulan saya dalam mengendalikan projek ini, saya telah meminjamkan mereka kamera saya untuk mereka gunakan pada hari kejadian.

Kelebihan

Pada pendapat saya, kelebihan projek ini berbanding projek-projek PGT203 sebelum ini ialah perlaksanaan yang awal sekaligus tidak mengganggu persediaan teater untuk setiap kumpulan. Selain itu, para pelajar juga dikehendaki untuk mencari peserta dari pusat pengajian yang lain untuk diambil menjadi peserta pidato. Hal ini amatlah baik kerana Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dapat merapatkan kerjasama dengan pusat pengajian lain di USM ini. Bagi saya, apa yang paling menarik untuk projek ini ialah ia sangat berpadanan dengan kehendak kursus iaitu berkomunikasi secara lantang seperti yang terkandung dalam agenda HEBAT universiti ini.

Kekurangan

Dalam melakukan satu-satu projek yang dijalankan, sudah pasti ada buruk dan baiknya. Tiada yang sempurna seperti yang dikehendaki oleh semua orang. Bagi saya, kawasan perlaksanaan projek ini adalah tidak sesuai. Hal ini demikian kerana pada mulanya, projek ini dijalankan di Kompleks Bukit Jambul adalah untuk

dipertontonkan kepada orang ramai. Namun sebaik sahaja mengetahui projek ini bermula lebih awal, jadi apakah gunanya kalau buat jauh-jauh tetapi penontonnya hanya pelajar PGT203. Kalau begitu situasinya, adalah lebih baik buat dalam dewan kuliah USM sahaja. Ataupun jika benar-benar mahukan penonton kenapa tidak dijalankan di tapak Convex semasa minggu konvokesyen tersebut.

Refleksi

Secara keseluruhannya projek ini jika dilihat dari objektif perlaksanaannya berjaya kerana kumpulan-kumpulan PGT203 berjaya mempersembahkan pidato yang lengkap dan padat dalam masa yang sangat singkat. Bagi saya, pemupukan berkomunikasi secara berintonasi perlunya dititikberatkan supaya masyarakat masih boleh bertutur dengan lancar dan berhemah walaupun dalam keadaan marah atau hilang pertimbangan. Dari segi pelaksanaan projek pula, agak kurang memuaskan kerana saya perlu pergi ke gereja pada hari Ahad dan sudah pasti saya perlu menunaikan kewajipan sebagai penganut agama lain. Saya harap pelaksanaan tidak dibuat pada waktu mana-mana individu yang ada upacara sembahyang pada hari berkenaan.

NAMA : IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI
NO MATRIK : 136361
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, kita masih dipanjangkan umur dan diberi kesempatan untuk menimba ilmu di muka bumi ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pengarah projek bagi program Memasyarakatkan Kebudayaan Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai program Masdaya. Di sini saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Bukit Jambul kerana sudi memberi peluang kepada kami untuk menjalankan program Masdaya di Kompleks Bukit Jambul. Tidak dilupakan juga, saya ingin mengucapkan sekalung terima kasih kepada pensyarah Pgt203, iaitu Dr. Baharuddin Bin Abdul Rahman dan Dr Muhammad Zuhair Bin Zainal kerana dengan bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan dapatlah kami menjayakan program ini. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada saudari Siti Khadijah Binti Zaini kerana sudi menjadi pemedato luar bagi kumpulan kami.

SUMBANGAN TERHADAP PROGRAM MASDAYA 2018

Dalam program Masdaya ini, kumpulan kami telah dilantik menjadi Ahli Jawatan Kuasa Multimedia dan Publisiti. Oleh itu, kami semua ditugaskan untuk menghasilkan sepanduk yang bertemakan *Open Mic* dalam program Masdaya ini. Kami sekumpulan juga ditugaskan untuk mereka corak pada baju yang akan digunakan semasa Masdaya berlangsung. Setelah mengadakan perjumpaan, kami semua telah berbincang dan bertukar-tukar pendapat dan akhirnya kami semua telah pun menghasilkan sepanduk dan reka corak pada baju sesuai dengan persetujuan ramai.

Semasa program Masdaya berlangsung, kami sekumpulan ditugaskan untuk mengambil gambar dan video sebelum, semasa dan selepas program Masdaya ini. Kami semua menjalankan tugas dengan baik berdasarkan skop tugas yang telah diberikan. Setelah selesai program Masdaya ini, kami perlu menggabungkan kesemua gambar dan video untuk diedarkan kepada kumpulan lain. Kami juga perlu memuat naik video yang telah dirakam ke *youtube* untuk tontonan ramai.

KELEBIHAN PROGRAM MASDAYA 2018

Melalui program Masdaya ini, terdapat beberapa kelebihan yang saya peroleh dan rakan sekumpulan yang lain. Program Masdaya yang dijalankan ini dapat mengeratkan hubungan kami sekumpulan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kerjasama yang diberikan sesama ahli dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Melalui tugas yang diberikan, kami semua telah menjalankan '*brainstroming*' untuk menghasilkan sepanduk dan reka corak yang bersesuaian dengan program Masdaya ini. Dengan kemahiran komunikasi yang baik, kami semua telah bertukar-tukar idea dan pendapat sehinggalah kami menemukan corak yang sesuai untuk program Masdaya ini. Selain itu, selaku ketua bagi kumpulan ini, saya juga memperoleh pengetahuan untuk memimpin kumpulan ini. Sebagai ketua kumpulan, saya perlu mengetuai sesuatu mesyuarat yang sedang dijalankan. Di samping itu, saya perlu memastikan semua ahli kumpulan menjalankan tugas masing-masing berdasarkan skop tugas yang telah diberikan. Saya juga perlu menjaga kebajikan ahli kumpulan sekiranya terdapat ahli kumpulan yang tidak sihat dan saya perlu bersikap tegas agar semua ahli kumpulan sentiasa berdisiplin. Kesemua bidang tugas ini telah meningkatkan kemahiran komunikasi dalam diri saya kerana saya perlu berkomunikasi dengan baik antara ahli kumpulan.

Program Masdaya ini telah mengeratkan hubungan kesemua mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil kursus ini. Ini dapat dibuktikan melalui interaksi antara satu dengan yang lain semasa program dijalankan. Kami semua telah menjalankan swafoto bersama-sama ketika program sedang dijalankan. Sebagai Ajk Multimedia dan Publisiti, kami semua dikehendaki untuk mengambil gambar semasa program sedang berlangsung. Ini juga telah menambah pengetahuan untuk kami sekumpulan kerana kami belum pernah melakukan kerja-kerja seperti ini. Sebagai seorang ketua dalam kumpulan, saya perlu memastikan semua ahli kumpulan tiba dengan tepat pada

pukul 8:00 pagi untuk mengambil kehadiran. Oleh itu, kami menjadikan *whatsApp* sebagai medium untuk berkomunikasi antara satu dengan yang lain untuk bertanyakan keberadaan ahli-ahli pada waktu yang tertentu termasuklah pemedato luar kami. Dapat disimpulkan bahawa, program Masdaya ini berjalan sesuai dengan tentatif yang telah diberikan walaupun terdapat sedikit perubahan. Komunikasi adalah alat yang paling penting yang harus dititikberatkan kerana melalui komunikasi ini dapat melancarkan sesebuah program seperti program Masdaya ini.

KELEMAHAN PROGRAM MASDAYA DAN CADANGAN MENGATASI

Disebalik kelebihan, terdapat juga kelemahan program Masdaya ini. Antara kelemahan yang terdapat dalam program Masdaya ini ialah kelemahan komunikasi. Sebelum program Masdaya dijalankan, kami semua perlu menjalankan sesi raptai bagi kelancaran program sesuai dengan permintaan pensyarah Pgt203. Namun demikian, masih terdapat beberapa kumpulan yang tidak mengetahui tentang sesi raptai yang dijalankan ini termasuklah kumpulan kami sendiri. Oleh itu, saya sebagai seorang ketua perlu sentiasa bertanya kepada pengarah projek tentang sesuatu pelaksanaan program ini.

Selain itu, kelemahan program Masdaya ini ialah kekangan masa. Pada mulanya, program Masdaya ini berlangsung pada pukul 8:00 pagi sehingga pukul 4:00 petang. Namun demikian, kami semua telah menerima perubahan mengejut yang menyatakan bahawa pihak Bukit Jambul hanya membenarkan kami menggunakan tempat tersebut sehingga pukul 1:00 tengah hari sahaja memandangkan ada program lain yang akan berlangsung selepas program Masdaya. Perubahan yang berlaku ini telah menjadikan tentatif program berubah serta-merta. Namun demikian, saya amat berbangga kepada pengarah projek kerana dapat mengatasi masalah-masalah ini dengan mengubah tentatif yang baru agar kelancaran program sama seperti yang diinginkan. Oleh itu, komunikasi antara pengarah projek dengan pihak Bukit Jambul hendaklah dipertingkatkan agar masalah sebegini dapat dielakkan.

Di samping itu, kelemahan program Masdaya ini ialah ruang yang terhad. Semasa menjalankan program Masdaya ini, hanya 50 kerusi sahaja yang disediakan oleh pihak Bukit Jambul. Bilangan kerusi yang disediakan ini hanya dapat memuatkan peserta pemedato dari setiap kumpulan dan pemedato yang lain dan selebihnya hanya dapat

memuatkan beberapa orang dari kumpulan lain. Selebihnya lagi, ahli kumpulan yang lain terpaksa duduk di atas lantai untuk memberi tumpuan sepenuhnya terhadap program yang sedang berlangsung. Cadangan penambahbaikan bagi kelemahan ini ialah pengarah projek dan majlis tertinggi yang lain berkemungkinan boleh mencari tempat lain yang lebih sesuai yang dapat memuatkan semua ahli kumpulan di dalam satu tempat yang sama.

REFLEKSI KESELURUHAN INDIVIDU

Melalui program Masdaya yang dijalankan ini, dapat disimpulkan bahawa program ini telah banyak memberi pengetahuan asas kepada kami semua untuk menjayakan sesuatu program. Sebagai seorang bakal guru nanti, kami perlu bersikap fleksibel antaranya ialah dapat mengendalikan sesuatu program apabila ditugaskan di sekolah nanti. Melalui program Masdaya inilah kami memperoleh pengetahuan tentang cara-cara untuk mengendalikan sesebuah program mengikut protokol yang sebenar. Walaupun kami sekumpulan hanya ditugaskan sebagai Ajk Multimedia dan Publisiti, namun kami sekumpulan juga perlu tahu cara-cara dan susun atur sesebuah program dijalankan.

Sesuai dengan tajuk kursus ini, maka komunikasi dan interpersonal guru amatlah penting yang perlu ada dalam diri seorang bakal guru. Komunikasi adalah sangat penting bagi memastikan mesej dapat disampaikan dengan tepat. Sebagai contoh, setiausaha bagi program Masdaya ini telah memberi banyak peraturan-peraturan yang hendak dipatuhi semasa program Masdaya melalui komunikasi semasa sesi raptai agar program Masdaya ini berlangsung dengan jayanya.

Walaupun terdapat kelemahan dalam menjayakan program Masdaya ini, namun saya berbangga dengan sesetengah pihak yang dapat mengatasi kelemahan ini agar program ini dapat dijalankan dengan jayanya. Dengan masa yang begitu singkat, akan tetapi kami semua dapat menjalankan sesuai dengan tentatif yang diberikan. Saya berharap akan ada lagi program-program sebegini yang dijalankan agar dapat memperkasakan komunikasi dan interpersonal sebagai bakal seorang guru pada suatu masa kelak.

NAMA : MOHAMAD SYUKURI BIN KASDI
NO MATRIK : 136379
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN**

KELEMAHAN PROGRAM MASDAYA DAN CADANGAN MENGATASI

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Ilahi di atas kurniaanNya projek pertama iaitu Memasyarakatkan Kebudayaan Kebangsaan (MASDAYA) bagi memenuhi penilaian kursus subjek PGT203 telah dengan jayanya dilangsungkan. Di samping itu juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Zuhair dan Dr. Baharuddin kerana banyak memberi tunjuk ajar kepada kami semua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua ahli kumpulan saya sendiri iaitu kumpulan 6 kerana banyak memberi tunjuk ajar dan sokongan moral. Secara kesimpulannya, saya akui masih terdapat kelemahan dalam penganjuran serta kesilapan di sisi saya sendiri. Walau bagaimanapun, saya tetap memberi komitmen dengan baik serta bekerjasama dengan ahli kumpulan kerana kami ditugaskan sebagai ajk multimedia serta dipertanggungjawabkan untuk menyediakan baju para pelajar yang terlibat dengan projek MASDAYA ini. Hakikatnya tiada sesiapa pun yang boleh meloloskan diri daripada melakukan kesilapan tanpa disedari. Saya akui banyak kelemahan di pihak saya sendiri sebelum dan semasa projek dijalankan. Antaranya ialah saya menghadapi masalah dalam menyediakan teks pidato. Selain itu, saya juga mengalami masalah mengingati teks yang telah saya sediakan serta kelemahan dalam pengurusan masa untuk membuat latihan. Kekurangan kelengkapan multimedia juga kami hadapi semasa projek dijalankan di Kompleks Bukit Jambul. Namun masalah di atas dapat saya atasi dengan semangat yang tidak pernah luntur berbekalkan sokongan ahli-ahli kumpulan yang lain. Oleh yang demikian, untuk projek yang seterusnya saya akan memastikan masa yang lebih mencukupi untuk membuat latihan serta memastikan perancangan yang telah dirancang dilaksanakan dengan cepat dan teratur.

KELEBIHAN PROGRAM MASDAYA

Walau bagaimanapun, disebalik kelemahan terdapat juga kelebihan yang saya dapati sepanjang proses menjayakan projek ini. Saya telah berkerjasama dengan ahli-ahli kumpulan dengan baik dan saling membantu. Hal ini telah megeratkan lagi hubungan silaturahim antara kami. Setiap ahli dalam kumpulan kami telah memberikan sepenuh kudrat dan tenaga untuk mengalas tanggungjawab yang telah diamanahkan sebagai ajk multimedia dan menyediakan baju kepada semua pelajar. Selain tu juga, saya telah dipertanggungjawabkan oleh ahli kumpulan saya untuk menjadi pemidato sebagai wakil kumpulan kami. Berbagai input serta pengalaman saya perolehi seperti meningkatkan keyakinan saya untuk berbicara di hadapan khalayak ramai serta mengasahkan lagi kemahiran berkomunikasi saya sebelum melangkah ke dalam dunia perguruan kerana seseorang guru akan berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat yang berbagai kaum, pangkat dan sebagainya. Saya telah menggunakan pelbagai inisiatif untuk menyediakan teks supaya bertepatan dengan tema yang telah diberikan. Pengalaman sebegini sukar untuk dicari dan menjadi platform kepada saya untuk mencari ilmu yang baharu terutamanya dalam bidang komunikasi.

REFLEKSI KESELURUHAN

Kesimpulannya, secara keseluruhan projek MASDAYA telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya walaupun masih terdapat kekurangan serta kekurangan. Semua ahli bagi setiap kumpulan telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya serta bertungkus-lumus bagi memastikan kelancaran majlis. Hal ini setiap kumpulan perlu diberi pujian atas kejayaan kelangsungan projek MASDAYA. Walau bagaimanapun, penambahbaikan perlu dilakukan agar projek yang seterusnya lebih teratur serta segala perancangan awal dapat dilaksanakan dengan cekap tanpa sebarang masalah. Oleh itu, setiap pelajar mahupun ahli semua kumpulan perlu meningkatkan kualiti kerja yang lebih cekap bagi memastikan projek yang hendak dilaksanakan berjalan dengan lancar. Segala kelemahan serta kekurangan yang dihadapi perlu diambil kira pelbagai aspek bagi memastikan tidak berulan lagi untuk pelaksanaan projek yang seterusnya. Semoga projek yang telah dijalankan iaitu MASDAYA dapat mendidik para pelajar kursus PGT203 menjadi guru yang berkebolehan dalam pelbagai bidang.

NAMA : NIK NUR HIDAYAH BINTI DORAMAN
NO MATRIK : 136410
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN**

Secara umumnya, Projek MASDAYA (Memasyarakatkan Kebudayaan Kebangsaan) pada tahun 2018 adalah salah satu program yang telah dibuat oleh pelajar yang mengambil kursus PGT203 (Kemahiran Berkomunikasi dan Interpersonal untuk Guru). Projek Masdaya ini dibuat di Mydin, Kompleks Bukit Jambul, Pulau Pinang yang bertemakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Projek ini berbentuk pengucapan awam (Open Mic) dan diberi tajuk tentang pengkisahan jati diri.

SUMBANGAN TERHADAP PROGRAM MASDAYA 2018

Saya selaku ketua multimedia dan publisiti diberi amanah bagi memastikan projek Masdaya ini berjalan dengan lancar. Sebagai ketua multimedia dan publisiti saya telah membahagikan tugas kepada semua ahli saya seramai tujuh belas orang di mana setiap seorang mempunyai tugas masing-masing dan mereka menjalankan tugas dengan baik. Sumbangan saya dalam projek ini adalah menguruskan penempahan banner projek Masdaya di mana tempahan banner tersebut di buat di Plaza Ivory dan mengambil masa selama 2 hari. Selain itu, saya juga membantu menguruskan penempahan baju projek Masdaya sebanyak 173 pasang termasuk baju Dr yang dibuat di Kuala Lumpur yang berharga rm20.60 sehelai termasuk kos penghantaran dan design. Saya juga mencari sebanyak lima buah kamera untuk digunakan mengambil gambar dan merakam video sepanjang projek Masdaya berlangsung. Alhamdulillah, dengan kerjasama semua ahli kumpulan proses untuk mendapatkan kamera begitu mudah.

Apabila projek Masdaya selesai, saya telah memuatnaik gambar di page Facebook Masdaya yang rasmi dan laman Youtube Masdaya di mana saya membuka laman Facebook dan Youtube sebelum projek Masdaya berlangsung. Laman Facebook dan Youtube ini akan diberikan kepada ajk multimedia dan publisti teater

Masdaya supaya gerak kerja sepanjang projek ini dimuatnaik bagi memastikan semua pelajar PGT203 mengetahui tahap perkembangan projek yang dibuat.

KELEBIHAN PROGRAM MASDAYA 2018

Dalam menjayakan projek Masdaya, ada kelebihan dan keburukan yang saya kenalpasti dalam diri saya. Kelebihan yang ada dalam diri saya ialah bertanggungjawab dengan amanah yang diberikan, apabila diberikan tugas kepada saya mampu menyiapkan tugas tersebut mengikut masa yang ditetapkan. Sebagai contoh, tugas berkaitan dengan penempahan banner Masdaya di mana sepatutnya banner mampu disiapkan pada minggu hadapan iaitu hari Isnin akan tetapi dengan menggunakan kemahiran berkomunikasi yang dipelajari, banner Masdaya diperolehi pada hari Jumaat. Kelebihan yang saya perolehi adalah cara berkomunikasi dengan baik di mana setiap tugas dan arahan yang saya berikan kepada ahli kumpulan saya diterima dan dibuat dengan baik sekali. Saya juga memperolehi ilmu tentang cara-cara menguruskan projek terutama sekali dalam bahagian multimedia dan publisiti. Seperti yang kita ketahui, bahagian multimedia dan publisiti adalah bahagian yang memainkan peranan penting sebelum dan selepas projek dibuat.

KELEMAHAN PROGRAM MASDAYA 2018

Kekurangan yang terdapat dalam diri saya sepanjang projek Masdaya adalah kurang berkomunikasi dengan Dr.Baharuddin dan hanya berkominikasi dengan Dr.Zuhair berkaitan dengan penempahan banner, design baju dan penghantaran baju Dr Baharuddin dan Dr.Zuhair. Saya hanya memaklumkan kepada Dr.Zuhair sahaja tentang baju Masdaya diletakkan dalam peti surat. Hal ini bermaksud saya kurang berkomunikasi dengan Dr.Baharuddin menyebabkan timbulnya kekeliruan berkenaan baju Masdaya. Kekurangan ilmu dalam bidang teknologi maklumat (ICT) menyebabkan saya terpaksa belajar dengan rakan-rakan untuk membuka page Facebook Masdaya. Sebelum ini, saya hanya memandang remeh akan penggunaan ICT dan hanyalah menfokuskan kepada hiburan alam maya. Saya juga mengalami masalah untuk berkomunikasi dengan Bahasa Melayu Standard di mana setiap percakapan yang dikeluarkan akan terselit dialek negeri. Namun, arahan yang saya berikan kepada ahli kumpulan difahami dan diterima dengan mudah.

CADANGAN MENGATASI KELEMAHAN

Cara untuk mengatasi masalah ini, saya perlu berkomunikasi secara dua hala bukan bersifat sehalu. Komunikasi dua hala bermaksud saya perlu berkomunikasi dengan Dr.Zuhai dan Dr.Baharuddin berkaitan dengan gerak kerja yang diberikan kepada saya. Selain itu, saya perlu mempelajari berkaitan dengan ilmu teknologi maklumat (ICT) dengan rakan-rakan dan orang yang berpengalaman supaya memudahkan lagi kerja yang dibuat. Bagi mengatasi masalah dialek, saya perlu bergaul dan berkawan dengan rakan-rakan yang berlainan negeri dengan saya supaya dapat mengurangkan sedikit dialek negeri dalam percakapan saya. Di samping dapat melatih saya supaya tidak malu apabila bercakap dengan menggunakan bahasa yang betul di hadapan khalayak ramai.

REFLEKSI KESELURUHAN INDIVIDU

Refleksi secara keseluruhan Projek Masdaya ialah berjalan dengan lancar walaupun terdapat sedikit masalah pengurusan tempat di mana timbulnya kekecohan apabila pengedaran air mineral kepada pelajar-pelajar PGT203. Kekecohan tersebut dapat diatasi apabila pensyarah PGT203 berurusan dengan pihak Mydin. Selain itu, masalah kekurangan kerusi pelajar juga berlaku namun pelajar mengambil tindakan segera dengan berkumpul dan duduk di lantai bagi mengurangkan kesesakan disekitar projek Masdaya berlangsung. Masalah pembahagian nasi juga berlaku ekoran tentatif projek Masdaya dipercepatkan namun ajk makanan mengambil alternatif pembahagian nasi dilakukan di Astaka, Universiti Sains Malaysia. Secara keseluruhannya, projek Masdaya berjalan dengan lancar dan dirasmikan oleh Dekan PPIP iaitu Professor Madya Dr Shaikh Abdul Malik bin Mohamad.

NAMA : NIK SITI NURHIDAYAH BINTI NIK MOHAMAD NOOR
NO MATRIK : 136412
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

Sumbangan kepada Program Masdaya

Dalam program Masdaya, kumpulan kami ditugaskan sebagai Ahli Jawatankuasa Multimedia dan publisiti. Dalam AJK multimedia dan publisiti, saya dan beberapa orang ahli lain ditugaskan dalam menguruskan baju-baju untuk program Masdaya. Jadi, sumbangan saya kepada program ini adalah dari segi menyumbangkan idea dalam mereka corak baju-baju dan membantu proses pengurusan baju-baju untuk program Masdaya.

Kelebihan diri

Kelebihan yang saya dapat daripada program Masdaya ini ialah saya dapat mengetahui dan mempelajari proses menguruskan majlis serta dapat meningkatkan proses kemahiran komunikasi saya. Hal ini sememangnya dapat membantu saya dalam alam pekerjaan sebagai guru nanti. Malahan, hal ini juga turut membantu saya dalam meningkatkan keyakinan dalam diri.

Dalam diri saya pula, saya merupakan seorang yang mudah bekerjasama dengan orang lain. Saya tidak mudah cerewet dalam memilih tugas dan saya akan lakukan sesuatu tugas yang diberi sebaik mungkin. Saya juga merupakan seorang yang berdisiplin. Saya akan selalu hadir dalam kuliah dan tutorial walaupun saya sedikit sakit. Selagi sakit itu masih dapat dibendung, saya akan tetap hadir dalam kuliah dan tutorial.

Kekurangan diri

Kekurangan yang saya hadapi ialah saya kurang berkomunikasi dengan yang lain. Saya kurang memberi idea dan berkongsi pendapat. Saya merupakan seorang yang mudah bergaul tetapi saya akan berdiam jika saya merasai idea saya tidak membantu

rakan-rakan lain. Saya mengakui saya seorang yang mempunyai kurang kepercayaan dalam diri.

Cara mengatasi kekurangan diri masing-masing

Untuk mengatasi kekurangan diri saya, saya telah cuba untuk lebih bercakap dan berkomunikasi dengan ahli-ahli lain. Malah saya turut sering bertanya jika saya tidak memahami sesuatu perkara. Saya harap dengan banyaknya komunikasi dengan ahli lain, saya dapat mengurangkan rasa kurang yakin dalam diri saya. Malahan saya juga mengambil pendekatan untuk fokus dalam kuliah dengan memahami cara berkomunikasi dengan betul. Saya berharap ilmu yang saya perolehi dapat membantu meningkatkan kefahaman saya dalam berkomunikasi dengan betul.

Refleksi Keseluruhan

Bagi pandangan saya, program Masdaya sememangnya memberikan impak yang positif kepada semua orang sama ada yang terlibat sebagai peserta atau bukan. Program ini memberikan kesedaran kepada kami dalam memartabatkan Bahasa Melayu dan hal ini juga turut memberikan maklumat tambahan kepada orang luar juga. Malahan, program ini turut memberi kami semua peluang untuk belajar dalam menguruskan majlis atau sesuatu program. Secara tidak langsung, ia telah memupuk sikap kerjasama antara kami semua.

Namun begitu, setiap majlis tidaklah akan selalu sempurna dan berjalan dengan lancar. Hal ini kerana terdapat beberapa kekurangan yang dilihat pada penglihatan saya sewaktu majlis tersebut. Bagi pandangan saya, pemilihan tempat adalah bagus kerana terletak di tengah-tengah tumpuan orang ramai namun kekurangan kerusi menjadikan keadaan majlis seperti tidak terurus. Pelajar yang tidak mendapat peluang untuk duduk akan berkumpul duduk bersila bersebelahan dengan kerusi penonton namun hal ini sedikit sebanyak turut mengganggu peniaga-peniaga lain. Yang lagi memburukkan keadaan apabila keadaan pelajar yang tidak memberikan kerjasama apabila diminta untuk senyap ketika program berlangsung menjadikan program seakan tidak terurus. Hal ini terlihat kurang menyenangkan di mata saya kerana sebagai pelajar Universiti kita seharusnya mempunyai etika yang baik terutama ketika berada dalam sesuatu majlis.

Pada pendapat saya, untuk mengatasi masalah ini, majlis boleh dibuat di tempat yang mempunyai fasiliti kerusi yang mencukupi untuk pelajar. Hal ini dapat

menunjukkan program yang dibuat terlihat terus. Selain itu, komunikasi antara pengarah projek dengan orang sekeliling juga penting dalam melancarkan majlis. Malahan komunikasi antara pelajar-pelajar lain juga penting dalam memastikan majlis kelihatan terus.

NAMA : NOR KARTIKAH BINTI ILYAS
NO MATRIK : 136422
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi atas segala rahmat dan kurniaNya telah memberi kelancaran kepada pelajar kursus PGT203 menjayakan projek Memasyarakatkan Kebudayaan Kebangsaan (MASDAYA) yang dijalankan pada 28 Oktober yang lalu. Projek MASDAYA dijalankan di Kompleks Bukit Jambul, Pulau Pinang. Terima Kasih juga diucapkan kepada Dr. Md. Baharuddin bin Hj. Abdul Rahman dan Dr. Muhammad Zuhair bin Zainal yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada pelajar PGT203 dalam menjayakan projek ini. Kumpulan saya iaitu kumpulan enam telah ditugaskan untuk menjadi unit multimedia.

1.0 SUMBANGAN DALAM PROJEK MASDAYA

Saya telah memberi komitmen dengan menghadiri setiap pertemuan dan perbincangan yang diadakan oleh kumpulan enam. Walaupun saya menghadapi rintangan seperti kelas ganti dan cuaca yang tak menentu pada waktu perjumpaan, saya perlu bijak membahagikan masa dan menguruskan perjalanan saya dengan sebaiknya supaya semua aktiviti harian saya dapat berjalan dengan lancar.

Seterusnya, Calon pidato ‘mikrofon terbuka’ memerlukan dua orang wakil bagi setiap kumpulan untuk berucap. Oleh itu, Kumpulan kami telah memilih pelajar daripada pusat pengajian komunikasi iaitu Khadijah untuk berucap. Malangnya, Khadijah merupakan pelajar yang tinggal di luar dan tidak mempunyai kenderaan untuk berulang-alik. Jadi, saya sebagai ahli yang mempunyai kenderaan, bertanggungjawab membawa Khadijah semasa proses latihan pidato dijalankan. Hal ini telah mengajar saya supaya selalu tampil ke depan untuk menolong supaya matlamat kumpulan tercapai.

Saya juga telah bekerjasama dengan ahli kumpulan dalam memberi idea dan mencari maklumat yang perlu diletakkan di dalam *poster* sebelum membinanya. Kami juga berbincang tentang alatan yang diperlukan oleh unit multimedia semasa hari kejadian. Setelah mempunyai kata sepakat, kumpulan enam telah berjaya memperolehi tiga kamera. Dua kamera untuk mengambil gambar dan satu kamera untuk merakam video semasa program berlangsung. Kamera tersebut dipinjam daripada pelajar PGT203.

2.0 KELEBIHAN DALAM MENJAYAKAN PROJEK

Program MASDAYA juga telah mengajar saya supaya bergaul dengan masyarakat. Melalui perbincangan kumpulan saya saling berkomunikasi dengan rakan sekumpulan dan pelajar PGT203 yang lain di aplikasi *whatsapp* dan sewaktu perjumpaan untuk bertanyakan tentang perkembangan tugas kumpulan kami. Melalui program ini juga, saya dapat menambahkan pengetahuan saya tentang cara-cara untuk menguruskan majlis. Seterusnya, program ini telah mengajar saya untuk sentiasa bijak menguruskan masa dan bijak mengatasi masalah yang dihadapi. Saya juga bertanggungjawab untuk melaksanakan semua tugas yang diberikan oleh ketua kumpulan.

3.0 KEKURANGAN DALAM MENJAYAKAN PROJEK

Namun begitu, terdapat masalah yang perlu saya hadapi iaitu saya kurang menguasai multimedia, saya tidak arif dalam membina *poster* yang memenuhi citarasa. Selain itu, kekurangan saya adalah saya tidak mempunyai kamera. Kumpulan kami iaitu unit multimedia memerlukan kamera untuk digunakan semasa program berlangsung. Kami mempunyai masalah dalam mendapatkan kamera kerana hanya seorang ahli kumpulan enam yang mempunyai kamera. Di samping itu, semasa projek berlangsung satu kamera yang dibawa oleh kumpulan enam telah kehabisan bateri. Selain itu, saya sulit membuat keputusan yang cepat. Saya akan mempertimbangkan segala perbincangan yang berlangsung. Hal ini menyebabkan saya lambat membuat keputusan ketika perbincangan kumpulan berlangsung.

4.0 CARA MENGATASI KEKURAGAN

Oleh itu, melalui program ini saya berusaha belajar mencipta *poster* daripada Internet seperti *You Tube*, *Blog* dan sebagainya supaya saya dapat menghasilkan *poster* yang menarik. Saya juga sering melihat contoh-contoh *poster* terbaik di *Google* bagi memperolehi idea untuk mencipta *poster* yang bagus. Melalui maklumat yang telah dibaca saya menemui banyak inisiatif untuk mencipta *poster* yang menarik disamping itu saya juga telah menemui banyak aplikasi untuk mencipta *poster*. Bagi menghadapi kekurangan kamera, kumpulan kami telah mengambil inisiatif dengan mencari pelajar lain yang mempunyai kamera untuk dipinjamkan. Hasilnya kami berjaya mencari tiga kamera. Saya juga menggunakan kamera telefon milik saya untuk mengambil gambar sebagai sandaran semasa program berlangsung. Kejadian kehabisan bateri mengajar saya supaya perlu membawa bateri sokongan untuk persediaan daripada sebarang kemungkinan yang berlaku pada projek lain yang akan datang. Kami perlu memastikan bateri kamera sentiasa penuh sebelum program berlangsung. Kemudian, untuk memperolehi keputusan yang cepat, saya perlu bekerjasama membincangkan masalah diri dengan ahli kumpulan supaya mencapai kata sepakat di akhir perbincangan.

5.0 REFLEKSI KESULURUHAN

Syukur ke Hadrat Ilahi kerana Program MASDAYA telah berjaya dijalankan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua orang yang bekerjasama membantu dalam menjayakan projek. Walaupun banyak masalah yang perlu dihadapi, pelajar dapat mengatasinya sebaik mungkin. Masalah dan kekurangan tersebut perlu dibaiki supaya kita dapat menghasilkan projek yang sempurna pada masa yang akan datang.

NAMA : NUR ATIKAH BINTI ABDUL RAHMAN
NO MATRIK : 132289
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

1. Sumbangan Dalam projek MASDAYA

Sebagai ajk multimedia dan publisiti saya telah mengambil bahagian dalam mereka design baju projek MASDAYA bersama ahli kumpulan kami yang telah dipilih oleh ketua Hod, dimana saya telah ditugaskan untuk mengambil bahagian dalam perbincangan design baju projek MASDAYA. Sebelum projek dijalankan saya telah mempromosikan page facebook projek MASDAYA untuk ditularkan. Semasa projek berlangsung pula saya telah mengambil gambar menggunakan telefon bimbit sendiri seperti yang diarahkan oleh ketua Hod kami. Selain itu, saya juga telah mencari beberapa calon untuk menjadi pemedato ahli kumpulan kami.

2. Kekurangan dan kelebihan diri

Kekurangan saya adalah saya hanya fokus kepada bidang tugas saya sahaja sebagai Ajk multimedia dan publisiti sedangkan saya juga boleh membantu rakan-rakan dalam portfolio lain bagi melancarkan lagi projek MASDAYA ini. Misalnya, mencari peserta membuat persembahan. Manakala kelebihan saya adalah saya akan segera mengambil bahagian apabila ketua Hod mengarahkan saya untuk melakukan sesuatu tugas. Sebagai ajk multimedia dan publisiti walaupun kami telah diagihkan tugas masing-masing namun saya masih memberi maklum balas persedian bahagian tugas lain misalnya memberi maklum balas reka bentuk banner yang telah ditugaskan kepada rakan yang lain. Saya juga mengambil berat bidang tugas ajk multimedia dan publisiti yang lain walaupun dipertanggungjawab kepada rakan yang lain.

3. Cara untuk mengatasi kekurangan diri masing-masing

Selepas ini sekiranya saya diberi tanggungjawab dalam menjadi ahli jawatankuasa dalam mana-mana projek, saya cuba untuk membantu rakan-rakan dari portfolio lain bukan hanya memastikan bidang tugas saya sahaja yang selesai tetapi saling bantu membantu sekiranya tugas saya sudah diselesai.

4. Refleksi keseluruhan individu projek

Pada pendapat saya projek ini banyak memberi saya pengalaman baru bahawa setiap projek yang hendak dijalankan tidak kira besar ke kecil memerlukan komunikasi yang baik antara kesemua penggerak projek. Saya juga berasa kagum bagaimana pensyarah cuba sebaik mungkin untuk membantu menyelesaikan masalah yang timbul sepanjang projek ini sedang berjalan. Walau bagaimanapun, saya berasa projek ini sangat berguna kerana merupakan titik permulaan yang baik dalam membudayakan konsep pengucapan awam yang merupakan satu program yang ingin dipromosi pada masa kini dalam kalangan mahasiswa.

NAMA : NUR ATIQA AMEERA BINTI ABD RAZALI
NO MATRIK : 132290
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

1. Sumbangan dalam projek MASDAYA

Sumbangan saya dalam menjayakan projek MASDAYA ini adalah dengan menjalankan tugas yang diberikan oleh wakil kumpulan 6 iaitu mereka dan memilih rekaan dalam penghasilan baju rasmi program tersebut. Selain itu, saya juga mencari wakil pemidato bagi kategori pelajar dari pusat pengajian selain dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.

2. Kekurangan dan Kelebihan Diri

Kekurangan diri saya ialah saya tidak berkeyakinan untuk menggalas tugas sebagai ketua. Saya tidak mampu untuk mencabar diri saya dengan menawarkan diri menjadi ketua dalam AJK MASDAYA. Hal ini menyebabkan saya lebih selesa menjadi antara individu yang menunggu arahan bagi menjalankan tugas. Manakala, kelebihan diri saya ialah saya mudah untuk bergaul dan berinteraksi dengan sesiapa sahaja walaupun dengan individu-individu yang tidak saya kenali. Saya juga memberikan komitmen penuh dalam menjalankan tugas-tugas yang diberikan terutamanya melibatkan bidang tugas ajk multimedia dan publisiti.

3. Cara untuk Mengatasi Kekurangan diri

Cara untuk mengatasi kekurangan diri saya adalah dengan menanamkan keyakinan dalam diri saya bahawa saya boleh melakukannya. Saya juga perlu belajar dengan rakan-rakan lain yang mampu untuk menggalas tugas sebagai ketua untuk mengerakkan sesuatu gerak kerja.

4. Refleksi Keseluruhan Individu mengenai MASDAYA.

Secara peribadi, saya merasakan bahawa projek ini adalah sebagai penanda aras untuk merencanakan lagi '*Speaker Corners*' terutamanya dalam kalangan mahasiswa Universiti Sains Malaysia. Mungkin acara seperti ini boleh diteruskan lagi dengan menyetengahkan isu-isu yang lebih membumi dan dekat dengan masyarakat. Walaupun acara ini berlangsung hanya dalam setengah hari, namun gerak kerja yang telah dilakukan lebih awal telah membantu saya dalam mengeratkan hubungan terutamanya dengan ahli kumpulan sendiri. Kami dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik bagi menyelesaikan tugas yang telah diamanahkan.

NAMA : RAJA MOHAMMAD HAKIMI BIN RAJA
KAMARULZAMAN
NO MATRIK : 136491
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

SUMBANGAN TERHADAP PROJEK MASDAYA

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi dengan izin dan kurnia-Nya saya dapat melaksanakan tugas PGT203 iaitu Projek MASDAYA dengan jayanya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli kumpulan saya kerana turut memberi kerjasama dalam melaksanakan tugas ini dan tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pensyarah penyelaras projek MASDAYA kami iaitu Dr Baharuddin Bin Haji Abdul Rahman kerana telah memberi bimbingan kepada kumpulan saya serta kumpulan lain bagi melaksanakan tugas ini.

Projek MASDAYA ini dijalankan pada 28/10/2018 bertempat di Mydin Bukit Jambul. Sebelum program ini berlangsung pada tarikhnya, pelbagai urusan perlu dilaksanakan. Kumpulan saya iaitu kumpulan 6 telah diberi mandat sebagai AJK Publisiti, Multimedia, banner dan poster bagi program ini. Saya turut menyumbang dalam membantu kerja-kerja mereka baju, poster dan banner. Selain itu, saya turut membantu dalam menguar-uarkan projek MASDAYA ini kepada orang ramai dengan berjumpa pihak masjid USM bagi membuat pengumuman bagi program ini disamping meminta kebenaran untuk meletakkan poster di papan kenyataan di sekitar masjid berkaitan program ini. Pada hari program ini dilaksanakan saya ditugaskan untuk mengambil gambar semasa “open mic” dijalankan. Saya juga turut membantu dalam menyelaras kelantangan mic disebabkan pengalaman saya dalam mengacarakan sesuatu majlis sebelum ini. Kelantangan mic sangat penting dalam menimbulkan suasana yang menarik ketika program dijalankan supaya apa yang didengar oleh penonton jelas dan menarik.

KEKURANGAN DAN KELEBIHAN DIRI

Kekurangan dalam diri saya dalam menjayakan program ini adalah dari aspek melontarkan idea. Saya cuba melontarkan idea namun saya tidak yakin dengan idea tersebut. Namun alhamdulillah, sesi perbincangan yang dijalankan bersama ahli kumpulan telah dapat menerbitkan sebuah idea yang jitu dalam penghasilan banner dan poster serta “design” baju yang menarik. Teknik yang kami gunakan adalah sumbang saran dimana idea yang diberi oleh setiap ahli kumpulan didengar dan dianalisis bagi mendapatkan idea yang terbaik.

Bagi saya antara kelebihan saya adalah mudah mesra dengan individu lain. Hal ini demikian kerana saya berjaya untuk menunjukkan sifat mudah mesra dengan ahli kumpulan yang terdiri daripada pelajar senior, sebaya dan junior dari fakulti yang sama. Seterusnya, saya juga mampu memberikan komitmen pada skop tugas dan arahan. Sebagai contoh, ketika diminta untuk menguar-uarkan berkaitan projek MASDAYA ini, saya berusaha untuk menyiapkan tugas tersebut dengan meminta bantuan daripada pihak masjid untuk memberikan pengumuman kepada orang ramai sebelum Solat jumaat dimulakan bagi memberitahu akan program ini. Disamping itu, saya turut meminta izin untuk menampal poster MASDAYA di papan kenyataan masjid. Alhamdulillah tugas itu berjaya saya laksanakan sebelum hari projek MASDAYA berlangsung.

CARA MENGATASI KEKURANGAN DIRI

Bagi saya, saya perlu lebih yakin dengan idea saya untuk diajukan kepada ahli kumpulan ketika sesi perbincangan. Selain itu, saya juga perlu bersikap lebih kreatif dan berfikir di luar kotak bagi menjana idea yang lebih baik untuk memastikan segala persediaan dilaksanakan dengan lebih baik.

REFLEKSI KESELURUHAN

Pelbagai pengalaman dan pendedahan yang saya dapat selama terlibat dalam pelaksanaan projek MADAYA yang banyak membantu saya dalam berkomunikasi bersama masyarakat, rakan pelajar dan pihak-pihak lain. Alhamdulillah projek ini berjaya dilaksanakan dengan jayakan walaupun terdapat beberapa masalah dimana kurang mendapat kerjasama yang baik daripada pihak Mydin serta berlaku kepincangan dari segi maklumat “flow” projek yang kurang efektif dari pihak Majlis tertinggi Projek MASDAYA. Namun begitu, segala masalah yang wujud berjaya

diselesaikan dalam waktu yang singkat oleh MT Projek dengan bantuan pensyarah dan keseluruhan projek mendapat pujian daripada Dr Baharuddin Bin Haji Abdul Rahman kerana berjaya walaupun persediaan dalam jangka masa yang singkat.

NAMA : RAJA NUR FAZLIN BINTI RAJA IBRAHIM
NO MATRIK : 136492
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN**

1.0 SUMBANGAN YANG DIBERIKAN DALAM PROJEK MASDAYA

Syukur ke hadrat Ilahi kerana projek Masdaya yang telah berlangsung pada 28 Oktober 2018 mampu dilaksanakan dengan baik. Saya selaku peserta yang menyertai projek ini dan merupakan ahli kumpulan 6 berasa projek ini merupakan satu projek yang sangat baik dalam melatih kami bakal pendidik untuk berkomunikasi secara baik. Dalam pelaksanaan projek Masdaya ini, kami ahli kumpulan 6 telah diberi amanat sebagai AJK Publisiti dan Multimedia. Setelah mendapat tugas ini, kami telah mengagihkan tugas kami kepada 3 bahagian iaitu bahagian urusan untuk reka corak baju projek, bahagian reka poster, bunting dan banner dan bahagian penyiaran dan radio yang turut dibantu oleh ahli kumpulan lain. Saya merupakan salah seorang ahli yang turut mereka corak baju dan kami telah bersepakat untuk mereka corak tersebut dengan idea kami sendiri. Kami hanya mengambil masa selama 2 jam untuk berbincang dan mereka corak baju tersebut kerana wujudnya komunikasi yang baik antara satu sama lain. Setelah selesai rekaan corak baju tersebut, ketua AJK bagi kumpulan kami telah memainkan untuk meminta persetujuan daripada penyelarass kursus iaitu Dr. Zuhair dan Dr. Baharuddin serta MT projek mengenai corak baju ini. Sekali lagi, saya diberikan amanah untuk mencari dan menempah baju ini di kedai cetakan baju bagi mendapatkan harga yang berpatutan. Setelah berurusan dengan beberapa kedai bagi mendapatlan harga dan kualiti yang baik, saya berjaya berurusan dengan pemilik kedai cetakan yang sanggup menawarkan harga baju yang berpatutan dengan kualiti yang baik serta mampu menyiapkan tempahan tersebut dalam masa yang ditetapkan. Bagi saya, sumbangan saya ini sedikit sebanyak telah membantu melancarkan projek Masdaya kali ini dan segala kekurangan dalam saya menjalankan tugas harap dimaafkan.

2.0 KELEBIHAN

Dalam projek ini, saya dapati bahawa dalam diri saya turut mempunyai kelebihan dalam berkomunikasi dengan baik. Komunikasi yang saya maksudkan ialah saya mampu berkomunikasi dengan pihak luar dalam menjalankan tugas bagi kelancaran projek ini. Bagi saya, untuk berkomunikasi dengan pihak kedai cetakan bagi mendapatkan harga yang berpatutan dan kualiti yang baik bukan sesuatu yang mudah. Saya telah berhubung dengan lebih kurang 7 pihak kedai cetakan baju bagi membandingkan harga dan kualiti. Alhamdulillah dengan berbekalkan komunikasi yang baik, saya berjaya berurusan dengan pihak kedai cetakan yang mampu menawarkan harga yang berpatutan dan kualiti dan servis caj penghantaran serta layanan yang baik. Saya juga mudah untuk menerima idea daripada ahli kumpulan yang lain bagi mendapatkan rekaan baju yang terbaik. Walaupun idea asal rekaan tersebut daripada saya, namun saya turut menerima idea orang lain untuk menambak rekaan yang sedia ada. Sepanjang persiapan untuk projek ini, saya yakin saya telah menjalankan tugas sebaik mungkin dan menurut segala arahan daripada penyeleras kursus, MT Projek dan ketua kumpulan bagi kelancaran projek ini.

3.0 KELEMAHAN

Projek Masdaya ini juga telah membuka mata dan minda saya bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam diri saya yang perlu diperbaiki. Dalam urusan penempahan baju tersebut, pada saat akhir saya baru mendapat tahu rekaan baju tersebut perlu ditukar sedikit atas sebab sebab tertentu dan hal tersebut merupakan kelemahan saya kerana saya tidak peka dengan maklumat terkini yang disampaikan oleh ketua. Saya juga tidak bekerjasama dengan baik dengan ketua AJK kumpulan saya ketika pengagihan baju kepada Dr. Zuhair dan Dr. Baharuddin sehinggakan berlaku sedikit salah faham dan Dr. tidak menerima baju tersebut. Saya juga hanya menumpukan kepada tugas yang diberikan kepada tanpa mengambil tahu persiapan projek yang lain seperti tentative program tersebut dan perkembangan yang lain. Kelemahan secara keseluruhan bagi projek ini ialah komunikasi antara Mt projek dengan ahli kumpulan yang lain dilihat agak terbatas dan tidak wujud komunikasi yang baik. Perbincangan yang lebih mantap tidak dilakukan dengan baik sehinggakan ada antara kami yang tidak mengetahui perkembangan projek dan bagi saya setiap keputusan yang dilakukan dalam

projek perlu persetujuan bersama dan tidak hanya tertumpu kepada individu kerana projek ini melibatkan semua ahli kumpulan dan juga merupakan kayu ukur kepada markah bagi kursus PGT 203 ini.

4.0 PENAMBAHBAIKAN

Setiap apa yang berlaku memerlukan penambahbaikan bagi memastikan kelancaran masa hadapan. Bagi diri saya sendiri, saya perlu lebih peka dengan kerja kumpulan dan bekerjasama dengan lebih baik dengan ahli yang lain bagi mengelakkan pertindihan maklumat dan sebagainya. Setiap tugas yang diamanahkan juga perlu dilakukan dengan tumpuan yang sepenuhnya serta perlu mewujudkan komunikasi dua hala bagi memastikan orang sekeliling berpuas hati dengan hasil tugas yang dilakukan. Penambahbaikan secara keseluruhan ialah setiap ahli kumpulan perlu memainkan peranan untuk bersuara secara langsung untuk menyatakan sebarang idea dan sebagainya bagi memastikan kelancaran setiap projek yang dilakukan dan penyampaian maklumat hendaklah lebih efektif agar apa yang ingin disampaikan akan sampai kepada yang dituju serta setiap ahli perlu melakukan tugas tepat pada waktu dan tidak melengah lengahkan perkara tersebut. Kejujuran dan keikhlasan juga perlu dititikberatkan dalam setiap apa yang kita lakukan agar tidak wujud masalah di kemudian hari.

5.0 REFLEKSI KESELURUHAN

Bagi saya projek Masdaya ini telah memberi pengalaman yang bermakna kepada saya terutama dalam komunikasi dengan pihak luar dan pentingnya hubungan dengan orang luar. Sebagai bakal pendidik, hubungan ini perlu diwujudkan kerana suatu hari pendidik tidak hanya tergolong dalam dunia pendidikan semata mata bahkan bakal bersama sama masyarakat hampir setiap masa dalam menjalankan tugas. Projek ini turut membuka mata dan minda saya bahawa setiap bakal pendidik perlu memiliki dan mengasah bakat agar lebih menonjol berbanding profesion lain dan memastikan komunikasi yang baik itu terus wujud sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa. Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk mengikuti projek ini kerana bagi saya bukan mudah untuk berkomunikasi dengan pihak luar bagi penyediaan tempat, mendapatkan tajaan dan menarik penonton luar untuk mengikuti projek kami dan saya yakin

dengan kerjasama dan komunikasi yang berkesan kita mampu lakukan yang terbaik.

NAMA : ROSNORI WAYENG
NO MATRIK : 127326
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

**SELF REFLECTION TOWARD THE EXHIBITION MASDAYA HOW TO
CIVILIZE THE LANGUAGE USED AMONG NEW GENERATION**

The aim of this exhibition I would say that all the committee have the same direction where he or she want to civilize and to telling that how important to past the culture and the language to new generation to see how important and proud to be a part of it not just among their group but to the others at the same time. Me as only international committee here I would say must about the message convey during the activity conducting because of the language and the Malaysia history background but I could see all the committee give fully cooperate to make it perfect as it could be from what one of my group mate translate some part of the content that been perform on the stage to me I can see the audience is agree the message.

On the other hand of the event not all the event has a good organization event they have a good planer things that I could see in this even is there might have a missed in communication among the staff who is under protocol department because when the event is conducting the audient have to move here and there because of time and place, and one more thing that I can see clearly is the program don't follow the tentative as open ceremony is after some performing on the stage. But lastly I really appreciate to be a part of this activity even though I am not really understands the content and message deliver through all performing.

NAMA : SANDY WONG BIK WEN
NO MATRIK : 136495
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

Sumbangan kepada projek Masdaya

Saya berasa sumbangan saya tidak berapa banyak dalam projek Masdaya ini. Hal ini kerana saya hanya memberi pandangan dan cadangan saya kepada ahli-ahli kumpulan apabila kami membincangkan bahawa calon pidato, rekaan poster, baju dan sebagainya. Saya hanya mengambil gambar sebagai seorang ahli publisiti dan multimedia bersama dengan ahli kumpulan semasa projek Masdaya dijalankan. Sumbangan yang saya sumbang adalah kecil tetapi saya amat bersyukur saya dapat membantu ahli-ahli kumpulan saya menjalankan projek Masdaya secara lancar.

Kelebihan diri Projek Masdaya

Projek Masdaya ini telah mengeratkan hubungan antara ahli-ahli kumpulan dari kumpulan enam dengan saya. Kami membincangkan bahawa rekaan poster dan rekaan baju bersama-sama dan saya berasa amat bertuah kerana mempunyai ahli-ahli kumpulan yang rela mendengar pandangan daripada setiap orang. Contohnya, Franklin mengubahsuai poster yang direka olehnya beberapa kali tanpa rungutan apabila kami mencadangkan perubahan warna poster, bentuk perkataan poster, gambar dan sebgainya. Dalam projek ini, pertuturan bahasa saya lebih fasih lagi berbanding dengan masa dulu.

Kekurangan diri dalam Projek Masdaya

Kekurangan saya dalam Projek Masdaya adalah kekurangan sabar. Saya berasa marah dan merungut kepada kawan-kawan apabila pengumuman yang diumumkan oleh pengarah projek asyik berubah. Sikap yang kekurangan sabar kena berubah supaya tidak mempengaruhi perasaan dan emosi orang lain.

Cara untuk mengatasi kekurangan

Cara untuk mengatasi kekurangan saya adalah menenangkan diri sendiri pada bila-bila masa. Menenangkan diri dalam 10 saat apabila menghadapi masalah yang menyebabkan saya marah merupakan cara yang paling bagus untuk melatih kesabaran diri. Saya juga perlu asyik berbual-bual dengan senior-senior saya untuk memahami cara mereka untuk menghadapi masalah-masalah seperti ini.

Refleksi keseluruhan individu mengenai projek

Projek Masdaya ini juga menambahbaik semangat kerjasama antara mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil kursus PGT 203 ini. Kebanyakan orang mematuhi arahan yang diberi oleh pengarah projek Masdaya dan tidak membisingkan atau mengganggu pempidato apabila mereka sedang berpidato walaupun mereka letih dalam berdiri sepanjang pagi.

Keburukan projek Masdaya ini adalah kekurangan rancangan yang teliti untuk setiap kumpulan. Rancangan yang kekurangan teliti telah menyebabkan suasana huru-hara apabila sesi foto. Selain itu, rancangan yang kekurangan teliti juga menyusahkan kumpulan lain terutamanya kumpulan-kumpulan yang bertanggungjawab makanan. Contohnya, pada masa itu, ajk makanan terpaksa pulang ke padang kawad untuk mengagihkan makanan sebelum projek Masdaya bersurai. Namun demikian, rancangan telah berubah dan tanpa memberitahu mereka. Tindakan ini juga membazirkan banyak makanan pada hari itu kerana kebanyakan orang tidak terus balik untuk mengambil makanan.

NAMA : SASLEEN BINTI SHAHUL HAMEED
NO MATRIK : 144425
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

Pada 28 Oktober 2018 yang lalu, saya telah menyertai program Memasyarakatkan Kebudayaan Kebangsaan di Kompleks Bukit Jambul, Pulau Pinang. Kumpulan 6 terlibat dalam bahagian multimedia. Kumpulan 6 diberi tugas untuk membuat poster, banner, baju, pembentukan sijil. Kami juga ditugaskan untuk mengambil gambar ketika program diadakan menggunakan telefon bimbit masing-masing. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah pembimbing subjek PGT 203, Dr. Baharuddin Bin Hj. Abdul Rahman kerana beliau telah memberi banyak tunjuk ajar dalam menjayakan projek masdaya.

Semasa perjumpaan, kami akan membincangkan tentang penambahbaikan projek ini. Semua tugas yang diberi kepada kumpulan 6, telah dilakukan dengan sempurna oleh ahli kumpulan yang berkenaan. Saya lewat masuk dalam kuliah PGT 203, semasa saya terlibat dalam kumpulan 6, saya mendapat tahu bahawa semua tugas telah dilengkapkan oleh ahli yang berkenaan.

Selepas perbincangan tajuk ini, saya dapat rumuskan bahawa kepentingan Bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda kini semakin luntur. Walaupun kesannya terhadap masyarakat tidak dapat dilihat secara terang-terangan tetapi kita tidak dapat lari daripada kenyataan bahawa bahasa kebangsaan Negara kita semakin ditelan zaman. Selepas ini, saya akan menitik beratkan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Dengan siapnya tugas ini ia memberikan saya satu dimensi baru mengenai bahasa kebangsaan negara kita. Ia menjadikan saya seorang yang teliti dan mempunyai sikap patriotik yang tinggi.

NAMA : SITI ROHAYU BINTI KAMALUDIN
NO MATRIK : 136499
KOD KURSUS : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN
INTERPERSONAL GURU
KUMPULAN : KUMPULAN 6

REFLEKSI PROGRAM MEMASYARAKATKAN KEBUDAYAAN
KEBANGSAAN

Sumbangan Dalam Projek MASDAYA

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Pada tarikh 28 Oktober 2018 telah berlangsungnya sebuah program Open Mic yang dianjurkan dibawah Kursus PGT 203 oleh Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Program ini telah dijalankan di sebuah pusat membeli belah iaitu Mydin Bukit Jambul.

Sebelum program Open Mic dijalankan pada tarikh berkenaan, pengarah projek telah memberikan tugas kepada setiap kumpulan. Oleh itu, saya dan rakan kumpulan telah mendapat tugas sebagai ahli jawatankuasa teknikal dan multimedia. Sementara itu, kumpulan kami juga bersetuju untuk membahagikan tugas tersebut kepada dua cara gerak kerja contohnya, kumpulan kami yang mempunyai bilangan ahli yang ramai telah dibahagikan kepada dua bagi menyiapkan tugas yang diberikan.

Sumbangan saya dalam projek tersebut adalah bekerjasama menyumbangkan idea untuk menghasilkan sebuah poster dan sijil untuk setiap ahli serta peserta yang telah terlibat dalam program tersebut.

Kelebihan Dan Kekurangan Dalam Projek MASDAYA

Terdapat pelbagai kelebihan yang boleh saya perolehi dalam program tersebut. Antaranya, semangat berpasukan yang diterapkan dalam setiap ahli pasukan. Walaupun kumpulan kami mempunyai bilangan ahli yang banyak, kami sentiasa bekerjasama dalam menyempurnakan tugas dengan baik. Selain itu, kemahiran komunikasi antara ahli pasukan juga berada pada tahap yang amat membanggakan. Sebagai contoh, ketua pasukan kami telah membuat satu kumpulan baru dalam aplikasi WhatsApss untuk membincangkan idea dan masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap ahli kumpulan.

Namun begitu, terdapat juga kekurangan yang berlaku sepanjang program ini berlansung. Kekurangan pertama ialah kemahiran komunikasi antara pengarah projek dengan anak buah atau ahli jawatankuasa. Saya mendapati pengarah projek kurang kemahiran komunikasi dalam mengarahkan tugas atau memberitahu info-info terkini. Contohnya, masalah ini berlaku pada hari latihan sebelum program Open Mic dijalankan. Ramai ahli jawatankuasa yang lain tidak mengetahui tentang latihan yang akan dijalankan akibat tanggungjawab yang diberikan oleh pengarah projek kepada Majlis Tertinggi (MT) jawatankuasa program tersebut tidak menjalankan tanggungjawabnya untuk menyampaikan info tersebut. Selain itu, sikap yang suka menglengah-lengahkan kerja yang diberi. Sikap ini telah menyusahkan ajk yang terlibat seperti ajk hadiah dan cenderahati serta ajk penajaan. Tempoh kertas kerja yang diberikan oleh setiausaha tidak mencukupi tempoh yang lama untuk ajk penajaan menjalankan tugas. Tempoh tersebut perlu diberikan sekurang-kurangnya dua minggu awal dari tarikh projek yang akan dijalankan.

Cara-cara Untuk Mengatasi Kekurangan Yang Berlaku

Saya hanya melampirkan satu sahaja cara untuk mengatasi kekurangan yang berlaku agar program yang seterusnya dapat dijalankan dengan jayanya. Cara-cara untuk mengatasinya ialah perkukuhkan sikap tanggungjawab dalam setiap individu. Sikap tanggungjawab merupakan asas yang perlu ada dalam diri masing-masing. Ia merupakan perkara yang perlu diambil berat kerana tiadanya sikap tanggungjawab yang tinggi dalam setiap individu akan mengakibatkan sesuatu program yang dirancang atau dijalankan tidak berjaya dengan sempurna. Oleh itu, sikap tanggungjawab amat penting dalam menjayakan sesuatu program.